

08 OCT 1997

Ling - laluan

LING DIARAH OLEH DR MAHATHIR KAJI LALUAN KHAS KENDERAAN RAMAI PENUMPANG

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan hari ini diarah oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meneliti kemungkinan memperkenalkan laluan khas di ibu negara bagi kenderaan yang dinaiki lebih daripada seorang.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata Perdana Menteri meminta kementerian meneliti kemungkinan melaksanakan laluan khas itu yang tidak boleh digunakan oleh kenderaan yang dinaiki hanya seorang.

"HOV (high occupancy vehicle) ini membolehkan perjalanan kenderaan berkenaan lebih cepat masuk dan keluar dari pusat bandar (bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dalam bandar)," katanya pada persidangan berita di pejabatnya di sini.

Istilah bagi HOV yang digunakan oleh Kementerian Pengangkutan sebelum ini ialah kenderaan yang dinaiki lebih daripada seorang dan, menurut Ling, ia mungkin akan diperluaskan kepada kenderaan yang dinaiki oleh lebih daripada dua orang dan kemudiannya lebih daripada tiga orang.

Katanya Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan diminta mengkaji kemungkinan mengadakan laluan khas HOV itu.

Ling berkata Perdana Menteri yang mendapat ilham mengenai perkara itu semasa melihat pelaksanaannya di Santiago, Chile baru-baru ini, bagaimanapun tidak menyatakan bila ia perlu dilaksanakan.

Laluan khas HOV dilaksanakan di Santiago yang jalan rayanya sangat lebar.

"Kita telah menjalankan kajian dan mendapati jalan kita tidak cukup lebar...kita perlu mencari jalan yang cukup lebar," katanya.

Beliau tidak pasti sama ada laluan khas HOV itu akan berkongsi laluan khas untuk bas yang sedia ada. -- BERNAMA

MNY MAI